

# RANCANGAN PERNIAGAAN



**RAKYATpreneur 2025**

NAMA PERNIAGAAN:

**AZ SIMPLY DESSERT**

BIDANG PERNIAGAAN:

**PENYEDIAAN MAKANAN & MINUMAN**

NAMA PEMILIK:

**ZAFRENA BINTI OMAR**

NO. KAD PENGENALAN:

**801122-10-5258**

ALAMAT OPERASI:

**LOT 748-A, JALAN DURIAN KG KANCHONG DARAT**

**42700 BANTING SELANGOR**

TARIKH:

1. MAKLUMAT PERNIAGAAN

Nama Perniagaan	AZ Simply Dessert
Jenis Perniagaan	Pemilikan Tunggal
Bidang Perniagaan	Penyediaan Makanan dan Minuman
Alamat Operasi	Lot 748-A Jalan Durian, Kg Kanchong Darat 42700 Banting, Selangor
Tarikh Mula Operasi	1 April 2024
No. Pendaftaran (SSM)	003630065-T
Nama Pemilik / Rakan Kongsi	Zafrena Binti Omar

2. RINGKASAN PERNIAGAAN

AZ Simply Dessert merupakan sebuah perniagaan makanan yang memfokuskan kepada penghasilan dan penjualan pencuci mulut (dessert) berkualiti tinggi seperti pudding caramel, brownies, kek coklat moist dan pelbagai produk manisan yang dibuat secara homemade. Perniagaan ini beroperasi dari rumah dan menerima tempahan secara pra-pesanan melalui platform WhatsApp serta media sosial.

AZ Simply Dessert menitik beratkan kualiti rasa, kebersihan, penggunaan bahan premium serta persembahan produk yang menarik bagi memenuhi citarasa pelanggan daripada pelbagai peringkat umur. Setiap produk dihasilkan dengan penuh teliti bagi memastikan kepuasan pelanggan dan konsistensi rasa.

Objektif utama perniagaan ini adalah untuk menjana pendapatan yang mampan, membina jenama dessert tempatan yang dipercayai serta mengembangkan pasaran melalui jualan dalam talian dan kerjasama strategik. Dengan pengalaman dalam bidang pembuatan dessert sejak tahun 2017 serta sokongan perancangan kewangan yang tersusun, AZ Simply Dessert diyakini mempunyai potensi untuk berkembang secara berperingkat dan berdaya saing dalam industri makanan dan minuman.

### 3. PRODUK / PERKHIDMATAN

Produk / Perkhidmatan	Penerangan Ringkas	Harga (RM)
Puding karamel homemade	Bertekstur lembut, menggunakan bahan premium, sesuai untuk hidangan individu dan tempahan majlis kecil.	RM2.50– RM3/ pax
Brownies coklat	Brownies coklat moist dan fudgy, sesuai untuk jualan potongan atau tempahan dulang kecil.	RM6.00 – RM8.00 / potong RM45.00 – RM60.00 / dulang
Kek Coklat Moist	Tempahan khas sesuai untuk sambutan dan hadiah door gift	RM40 – RM70 / biji (ikut saiz)
Pakej dessert majlis kecil	Pakej dessert merangkumi pudding caramel dan brownies untuk majlis kecil seperti doa selamat atau mesyuarat	RM120.00 – RM300.00 (20 – 50 pax)
Tempahan Khas / Pra-Pesanan Dessert	Tempahan khas mengikut permintaan pelanggan termasuk kuantiti, pembungkusan dan tarikh tertentu	Bermula dari RM60.00 (bergantung jenis dan kuantiti)

#### Kelebihan Produk / Perkhidmatan:

- Produk dessert homemade berkualiti tinggi dengan permintaan pasaran yang konsisten
- Menggunakan bahan mentah terpilih dan proses penyediaan yang mematuhi amalan kebersihan serta keselamatan makanan
- Operasi berasaskan pra-pesanan yang membantu kawalan kos, pengurangan pembaziran dan aliran tunai yang lebih stabil
- Harga jualan berpatutan dan kompetitif, sesuai dengan kuasa beli pelanggan sasaran
- Proses kerja yang teratur dan tersusun bagi memastikan konsistensi kualiti produk
- Fleksibiliti tempahan membolehkan perniagaan menyesuaikan kapasiti pengeluaran mengikut permintaan
- Potensi pengembangan perniagaan melalui penambahan produk, kerjasama strategik dan pemasaran digital

### 4. ANALISIS PASARAN

Sasaran Pelanggan	Sasaran pelanggan AZ Simply Dessert merangkumi individu dan keluarga di sekitar kawasan setempat, pelanggan dalam talian, peniaga kecil serta penganjur majlis kecil seperti sambutan hari jadi, doa selamat dan mesyuarat. Produk juga sesuai untuk pelanggan yang mencari pencuci mulut sebagai hadiah atau hidangan tambahan untuk majlis.
Tahap Permintaan Pasaran	Permintaan terhadap produk dessert homemade menunjukkan trend yang stabil dan berterusan, khususnya melalui tempahan pra-pesanan dan jualan dalam talian. Peningkatan penggunaan media sosial dan budaya membeli makanan secara tempahan menyokong pertumbuhan permintaan produk dessert yang berkualiti, bersih dan mampu milik.
Pesaing Utama	Pesaing utama terdiri daripada peniaga dessert berskala kecil dan sederhana, bakeri rumah serta kedai kek tempatan. Walaupun persaingan wujud, pasaran masih terbuka luas memandangkan permintaan yang konsisten serta keutamaan pelanggan terhadap produk homemade yang segar dan dibuat mengikut tempahan.
Kelebihan Kompetitif	AZ Simply Dessert mempunyai kelebihan dari segi kawalan kualiti produk, operasi pra-pesanan yang teratur serta kos operasi yang lebih rendah kerana beroperasi dari rumah. Pengalaman pengusaha dalam bidang pembuatan dessert, penetapan harga yang kompetitif serta fleksibiliti tempahan memberi nilai tambah dan meningkatkan daya saing perniagaan di pasaran.

## 5. STRATEGI PEMASARAN

Strategi pemasaran AZ Simply Dessert dilaksanakan melalui platform digital seperti Facebook dan WhatsApp bagi mempromosikan produk secara konsisten kepada pelanggan sasaran, disokong dengan perkongsian visual produk dan maklum balas pelanggan bagi meningkatkan keyakinan pembeli. Selain pemasaran digital, kaedah promosi dari mulut ke mulut dimanfaatkan melalui pengekalan kualiti produk dan kepuasan pelanggan. Perniagaan turut menawarkan pakej dessert yang berpatutan dan fleksibel untuk tempahan majlis kecil bagi menarik pelanggan baharu serta memastikan aliran jualan yang berterusan.

## 6. OPERASI PERNIAGAAN

Lokasi Operasi	Dapur rumah / Premis Sewaan
Waktu Operasi	Isnin - Sabtu 9am - 5pm Mengikut tempahan pelanggan (jika perlu)
Pembekal / Sumber Utama	Bahan mentah utama seperti telur, susu, mentega, coklat dan bahan pembungkusan diperolehi daripada pembekal kedai bakeri, borong tempatan dan pasaraya berhampiran yang dipercayai bagi memastikan kualiti, kesegaran serta bekalan yang konsisten. Pemilihan pembekal dibuat berdasarkan kualiti bahan, harga yang kompetitif dan kebolehan membekalkan secara berterusan.
Proses Operasi Ringkas	Tempahan pelanggan → Perancangan kuantiti → Pembelian bahan mentah → Penyediaan dan penghasilan produk → Pembungkusan → Penghantaran / pengambilan oleh pelanggan

## 7. PENGURUSAN & TENAGA KERJA

Perniagaan AZ Simply Dessert diuruskan sepenuhnya oleh pemilik yang bertanggungjawab terhadap pengurusan operasi harian, penyediaan produk, pembelian bahan mentah, pemasaran serta pengurusan tempahan pelanggan. Pada peringkat awal, operasi dijalankan secara berskala kecil tanpa pekerja tetap bagi mengawal kos dan memastikan kecekapan pengurusan. Sekiranya berlaku peningkatan tempahan berskala besar, perniagaan akan mempertimbangkan penggunaan tenaga kerja sambil mengikut keperluan.

## 8. KEWANGAN (ANGGARAN RINGKAS)

<b>- Kos Permulaan:</b>	<b>RM</b>
● <i>Peralatan dapur</i>	5,300
● <i>Bahan mentah awal</i>	700
● <i>Sewa / Lesen / Lain-lain (RM)</i>	600
<b>Jumlah Kos Permulaan (RM)</b>	6,600
<b>Anggaran Jualan Bulanan (RM)</b>	3,400
<b>Kos Operasi</b>	5,300
<b>Untung Kasar Bulanan (RM)</b>	1,900

## 9. RISIKO & LANGKAH KAWALAN

Risiko utama AZ Simply Dessert termasuk persaingan dalam industri makanan dan dessert, perubahan citarasa pelanggan serta kenaikan harga bahan mentah. Langkah kawalan yang diambil adalah dengan mengawal kos pembelian melalui pemilihan pembekal yang strategik, merancang pengeluaran dan menu secara berhemah, mengekalkan kualiti produk secara konsisten, serta memanfaatkan pemasaran digital dan tempahan pra-pesanan untuk memastikan aliran jualan yang stabil.

## 10 PENUTUP

AZ Simply Dessert mempunyai potensi untuk berkembang berdasarkan permintaan pasaran dessert yang stabil dan meningkat. Dengan pengurusan kos yang teratur, kawalan kualiti yang konsisten dan strategi pemasaran yang berkesan, perniagaan ini diyakini mampu memberi pulangan yang mampan. Sokongan dana daripada pihak bank akan membolehkan perniagaan meningkatkan kapasiti pengeluaran, memperluas pasaran, dan menjana aliran tunai yang lebih stabil secara berterusan.